



SIARAN MEDIA

MPS SITA 2 PREMIS DISYAKI MENJALANKAN AKTIVITI PERJUDIAN

Majlis Perbandaran Selayang telah menyerbu dua premis yang disyaki dijadikan pusat perjudian di Desa Aman Puri pada jam 8 malam semalam. Hasil risikan yang dibuat, dua buah premis ini disyaki baru beroperasi selama 1 bulan dan tidak memiliki sebarang lesen perniagaan yang sah dari MPS. Ketika serbuan, kedua-dua premis didapati dikendalikan oleh pekerja warga asing.

Sebanyak 48 unit mesin elektronik yang disyaki digunakan untuk perjudiaan di kedua-dua premis tersebut telah disita selain 7 unit televisyen, 2 unit komputer dan beberapa peralatan lain. Tindakan sitaan ini dibuat di bawah UUK 3, Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber(MPS)2007 atas kesalahan menjalankan operasi secara haram.

Dalam operasi yang sama, MPS telah turut menyerbu sebuah premis di rumah kedai berhampiran yang dijadikan pusat hiburan dan kedai makan. Pihak MPS terpaksa memecahkan pintu premis tersebut apabila pekerja tidak memberi kerjasama ketika diminta berbuat demikian. Pintu masuk premis turut dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) dan hanya pelanggan yang dikenal pasti dibenarkan masuk.

Premis tersebut menyasarkan pelanggan di kalangan warga Myanmar dimana ianya hanya menjual makanan dan barang runcit dari negara tersebut. Selain itu sebahagian premis turut diubahsuai dan dijadikan pusat karaoke yang menyediakan lagu-lagu dari bahasa ibunda mereka dengan bayaran RM50 untuk satu jam selain menghidangkan minuman keras tanpa cukai.

3 orang pekerja wanita Myanmar disitu memaklumkan bahawa premis dimiliki oleh rakyat tempatan dan mereka telah pun bekerja selama hampir 6 bulan.

Atas pelbagai kesalahan ini, MPS telah menyita 51 botol minuman keras, 2 unit televisyen, 4 unit speaker dan 6 unit amplifier ke atas premis ini. 4 Kompaun turut dikeluarkan di bawah UUK 3, Undang Undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian (MPS) 2007, UUK 3(1), Undang Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (MPS) 2007, dan SEK 6(1) Enakmen Hiburan & Tempat Tempat Hiburan 1995.



Pihak MPS juga akan memanjangkan laporan serbuan ini kepada pihak polis dan juga Jabatan imigresen untuk tindakan selanjutnya. Operasi yang tamat pada jam 10.30 malam ini telah diketuai oleh Tuan Ahmad Faisal bin Badiuzaman, Pengarah Jabatan Penguinusa dan Keselatan MPS dan dibantu oleh seramai 38 orang anggota dan pegawai.

#TAMAT#

Dikeluarkan Oleh:

Bahagian Perhubungan Awam
Jabatan Korporat

B.P.

Timbalan Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

1 Mei 2024